



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) TAMBAHAN (PERMAI)

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP Tambahan (PERMAI) adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, tuan perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon. Pastikan juga nombor akaun bank yang dimasukkan adalah nombor akaun yang boleh digunakan bagi tujuan pengkreditan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

Pemohon juga digalakkan membuka akaun bank baharu (Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP) bagi mengelakkan masalah gagal kredit berulang.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan/semasa untuk pembayaran GKP Tambahan (PERMAI)?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan/semasa kerana pembayaran GKP Tambahan (PERMAI) hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dilakukan?

Tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dibuat pada portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>) mulai 5 Mei 2021 hingga 19 Mei 2021.

5. Bilakah pembayaran semula GKP Tambahan (PERMAI) akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Tarikh pembayaran semula ke akaun bank yang telah dikemas kini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

- 6. Status permohonan GKP 1.0 / 2.0 saya adalah Lulus tetapi status bayaran masih Gagal Kredit sehingga kini. Adakah saya akan turut menerima bayaran GKP 1.0 / GKP 2.0 selepas mengemas kini maklumat akaun bank?**

Pembayaran semula yang akan dilakukan hanyalah melibatkan pembayaran GKP Tambahan (PERMAI) sahaja.

- 7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP Tambahan (PERMAI)?**

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP Tambahan (PERMAI) boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Disediakan pada 4 Mei 2021